



Headline: Duit suri rumah lesap RM290,000
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 2 September 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 18

Macau Scam

Duit suri rumah lesap RM290,000

Mangsa
gelabah
dikatakan
terbabit
jenayah ubah
wang haram

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

Seremban: Bimbang ditahan kerana dikatakan terbabit jenayah pengubahan wang haram, seorang wanita kerugian RM290,000 akibat terpedaya dengan penipuan sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintendan Aibee Ab Ghani, berkata suri rumah berusia 54 tahun itu mengikut semua arahan ahli sindiket terbabit sebaik mendengar plot yang direka itu untuk menipu.

Katanya, pada 16 Ogos lalu, suri rumah itu menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki konon dari pejabat pos di Kuantan, Pahang memberitahu mangsa



**Panggilan
kemudian
disambung kepada
seorang lelaki
mengaku anggota
polis dan beritahu
mangsa terbabit
jenayah
pengubahan wang
haram bersama
Danny Wong,
namun mangsa
beritahu tidak
mengenali lelaki
itu.**

Aibee Ab Ghani,
Ketua JSJK
Negeri Sembilan

ada mengirinkan kad kredit dan MyKad ke Sarawak, namun mangsa menafikan perkara itu.

"Panggilan kemudian disambungkan kepada seorang lelaki mengaku anggota polis dan memberitahu mangsa terbabit jenayah pengubahan wang haram bersama Danny Wong, namun mangsa beritahu tidak mengenali lelaki itu.

"Suspek meminta mangsa memasukkan RM120,000 dan RM150,000 ke dua akaun yang diberikan kononnya untuk tujuan semakan.

"Oleh sebab takut, mangsa menurut arahan dan memasukkan wang berkenaan pada 19 Ogos lalu," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Aibee berkata, mangsa sekali lagi diminta menyerahkan RM20,000 ke dalam akaun lain di sebuah bank di Rahang, di sini, pada 25 Ogos lalu.

Katanya, selepas membuat pindahan wang, mangsa mengesyaki ditipu suspek dan membuat aduan di Balai Polis Senawang, di sini.

Beliau berkata, siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.